



IARI RABU: 13 OKTOBER 2010



KAVNBTJNGAH

**JAWAPALPJAWAPAIT BAGI PERTANYAAN-PEEV TANYAAN JAW
A3 LISAN YANG TIDAK BAP AT MJAWAB MDAILAM DEWAN
(SC'ALAN NO- 5,10 MINGGA 41 }**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SO ALAN NO. 1 HINGGA 4 SOALAN
NO: 6 HINGGA NO: 9 [RUJUK PENYATA JRASMI MARIAN
(HANSARD)]**

**SIDEK
CAW. PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

apapendapatsecarasihatdanberbentukakademik.Seksyentersebutmenjamin hakpelajaruntukmenjadiahlimana-manapersatuan, pertubuhan, badanataukumpulan orang, samaadaiditubuhkan di bawahmana- manaundang-undangbertulis, samaadaia di dalamatau di luarUniversiti, dansamaadaia di dalamatau di luar Malaysia, melainkan:

- (a) mana-manapartipolitik, samaada di dalamatau di luar Malaysia;
- (b) mana-manapertubuhan, badanataukumpulan orang yang menyalahiundang-undang, samaada di dalamatau di luar Malaysia; atau
- (c) mana-manapertubuhan, badanataukumpulan orang yang telahditetapkanolehMenteri, selepasberundingdenganLembaga, secarabertuliskepadaNaibCanselorsebagaitidaksesuai demi kepentingandankesentosaanpelajaratauUniversitiitu.

PERTAEMYAAN LJ8AH
PARJPADA Y.B. PUAM CKOMG EMG
 (Bf rcr WERTAJAii)
TARIKH 1AiOAO'A«

SO AS. AH:

Y.B. PUAM CHON-G ENG [BUKIT MERTAJAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan secara terperinci kemudahan pendidikan yang ada untuk kanak-kanak OKU serta pecahan peruntukan pendidikan dari tahun 2005-2010. Nyatakan pecahan jenis peruntukan.

JAWAPAM

Tuan Yang Di Pertua,

Peruntukan berupa bantuan yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) untuk program pendidikan bagi murid berkeperluan khas, antaranya ialah :

1. Elaun murid keperluan khas (EMK) mula diperkenalkan pada tahun 2004 bermula dengan RM25 dinaikkan kepada RM50 pada tahun 2007 dan RM150 pada tahun 2009. Jumlah peruntukan elaun murid khas sejak EMK diperkenalkan hingga 2010 ialah sebanyak RM222 juta.
2. Bantuan Makanan Asrama dari tahun 2005 hingga 2010 ialah sebanyak RM27 juta sahaja.
3. Geran Per Kapita bagi sekolah pendidikan khas bagi tiga tahun (2008 - 2010) ialah sebanyak RM5 juta sahaja, dan

Su'cJabi, fcviu “ 'iO

PEMBERITAHU PERTAHYAAN DEWAM RAKYAT

4. Bantuan pakaian seragam pasukan beruniform ialah sebanyak RM16 ribu sahaja pada tahun 2009.

Rjm 07

FEMBERITAHU

AM

IAifcATfAAYAAAM

JAWAB LJSAN

PAR? PAVAM

TO AM HAJ1 MO 5 HP EY'jR F-M
OTHMAN

TAPJKRAECYAT

13 YiKTABER:Y))1ft (IRABU 0

SOALAN

MQAi

Tuan Haji Mohd Nor bin
mentaMENTERI PENGAJIAN
pembinaanPoliteknikHulu

Othmars [Hulu Terengganu 1
TINGGI menyatakan status
Terengganu.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek pembangunan Politeknik Hulu Terengganu (PHT) yang diluluskan di dalam RMKe-9, telah ditangguhkan disebabkan oleh kekangan kewangan kerajaan. Kementerian Pengajian Tinggi telah membuat permohonan kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk meneruskan projek tersebut di bawah RMKe-10.

Pada masa ini, PHT telah beroperasi di premis sementara di Bangunan Kedai 3 Tingkat, Majlis Daerah Hulu Terengganu, Kuala Berang. Enrolmen pelajar PHT pada September 2010 adalah seramai 258 orang yang mengikuti program

pengajian diploma akauntansi dan diploma pengurusan pelancongan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN DARI PAD A JAWAB LISAN
TUAN MANOGARAN A/L
MARIMUTHU
TARIKH
13 OKTOBER 2010 (RABU)
SOALAN
Tuan Manogaran A/L Marimuthu [Dewan Rakyat] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah pelajar yang diterima masuk ke semua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk tahun 2010 mengikut jurusan/fakulti dan angka untuk Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain; dan
- (b) untuk fakulti undang-undang, perubatan, dentistri dan kejuruteraan di Universiti Malaya, sila beri angka untuk Melayu, Cina, India, Iban, Kadazan dan lain-lain untuk 2010.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem pengambilan pelajar berasaskan kuota mengikut kaum iaitu 55% Bumiputera, 35% Cina

dan 10% Ms telah diransfsh dan riiganti dengan sistem meritokrasi yang berasaskan markah akademik sepenuhnya mulai Sesi Akademik 2002/20031 Bermula pads. Akademik 2006/2007, dasar meritokrasi mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum. Semua pemohon yang layak dan rmemenuhi kiitena nemilihan yang dilefapkan akasi dipillli msmac-uki IPTA tertakluk kepada bilangan tempat yang disediakan.

Bagi sesi akademik 2010/2011, jumlah pelajar Lulusan STPM/Setaraf yang memohon ke IPTA adalah seramai 61,228 orang. Daripada jumlah tersebut hanya seramai 49,234 calon yang mencapai kelayakan minimum iaitu nilai PNGK 2.00 ke atas dan memenuhi Syarat Am permohonan kemasukan ke IPTA. Manakala, daripada jumlah calon yang layak, seramai 40,506 orang telah ditawarkan ke IPTA. Peratusan calon Bumiputera yang berjaya ditawarkan ke IPTA adalah 78.8% iaitu seramai 28,633 telah ditawarkan berbanding 36,341 calon yang layak. Bagi kaum Cina pula sebanyak 92.1% atau seramai 9,569 telah ditawarkan berbanding dengan 10,394 calon yang layak. Manakala bagi kaum India dan lain-lain sebanyak 92.2% atau 2,304 telah ditawarkan berbanding dengan 2,499 calon yang layak.

Bagi kemasukan ke IPTA sesi akademik 2010/2011, biiangan tempat yang ditawarkan mengikut program-prog ram kritikal ialah:

L program undang-undang, sebanyak 59.47% ditawarkan kepada kaum Bumiputera, 31.23% kaum Cina dan 9.30% kaum India;

program perubatan, sebanyak 52.18% ditawarkan kepada kaum Bumiputera, 38.98% kaum Cina dan 8.84% kaum India;
program farmasi, sebanyak 51.92% ditawarkan kepada kaum Bumiputera, 44.60% kaum Cina dan 3.48% kaum India;
program perakaunan, sebanyak 49.31% ditawarkan kepada kaum Bumiputera, 46.33% kaum Cina dan 4.36% kaum India; dan
program kejuruteraan kimia, sebanyak 71.47% ditawarkan kepada kaum Bumiputera, 22.49% kaum Cina dan 6.04% kaum India.

*WM*_{PEIPTAMYAAAI PEW AM AAKYAY}

PERTAMYAAAI

JAWAB US AM

BARJPAIDA

OATO^{HAJS} *mMML BM*_{HAJS}

MOHMMEB SAID [KUALA KRAU]

TAP SKA!!

: 13 ©KTOBEP 2CHQ IRABU)

SOALAM:

Daf@s Hssji fissanaiS bin Hap ItoSiamedi Said pCyaSa SCrau] minta MEMTER8 P EMERAMGAM, KOSiUMIKASI DAN KEBUDAYAAM menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan sambutan Bari Penubuhan Malaysia 16 September seperti Sambutan Hari Kemerdekaan 31 Ogos dan sejauh manakah hari sambutan Penubuhan Malaysia dapat mengeratkan perpaduan di antara kaum terutama di Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sambutan Hari Penubuhan Malaysia pada 16 September atau dikenali sebagai Sambutan Perayaan Hari Malaysia, merupakan salah satu acara utama setiap kali negara menyambut kemerdekaan. Sambutan Perayaan Hari Malaysia telah dimulakan sejak tahun 2007 lagi. Walau bagaimanapun, sambutan pada tahun 2010 merupakan momentum paling bermakna kerana buat julung kali Kerajaan telah memberi cuti umum pada setiap 16 September. Untuk tahun-tahun akan datang, Sambutan Perayaan Hari Malaysia akan disambut dalam skala besar dan berkemungkinan sambutan Hari Malaysia turut melibatkan sambutan di negeri-negeri.

Penubuhan Malaysia pada 16 September 1963 merupakan satu kemenangan kepada seluruh rakyat Malaysia dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak kerana gabungan ini telah memperlihatkan keunikan negara Malaysia yang komposisi rakyatnya berbilang bangsa, agama dan budaya. Kepelbagaian ini dilihat sebagai satu kejayaan kerana telah mewujudkan keharmonian dan perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum yang saling hormat-menghormati antara satu sama lain.

Untuk menjadikan sejarah penubuhan Hari Malaysia lebih bermakna kepada bangsa dan negara, Kerajaan akan terus merencana dan melaksana program-program perpaduan dan keutuhan jati diri bangsa bagi mengeratkan perpaduan di kalangan rakyat Malaysia.

aralar rr- -M

PE11BERSTARUAM PERTAMYAAW DEWAR RAKYAT JAWAPAR
OLEH YM. DATCR SRI LIOW TG0MC3 LAE MITERS RESSRATAR
MALAYSIA

PERTARYAAR : LuSAR
DARyPADA : TUAM JOHR A/L FERRARDE2
| SEREiIBAN]
TARDKH : 13 OBCFOBER 2010
SCALAR :

Tuan John A/L Fernandez | Seremban] minta SiEWYERI RESfIRATAR menyatakan sejajar dengan pertambahan penduduk di Nilai, Negeri Sembilan Daru! Khusus, adakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk membina sebuah hospital Kerajaan di daerah Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tuan Yang dRPertua,

Kementerian mengambil maklum dan prihatin terhadap cadangan untuk membina sebuah hospital kerajaan di daerah Nilai bagi member! perkhidmatan kesihatan komprehensif kepada rakyat. Pada masa ini, pihak kementerian melalui Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan sedang menunggu laporan teknikal dan penilaian daripada pihak yang berkenaan untuk mengenalpasti kesesuaian tapak.

Pada masa yang sama, terdapat permohonan untuk mendirikan sebuah

SOALAR WO: 15
hospital daripada Fakulti Perubatan, Universiti Sains Islam Malaysia berhadapan tapak cadangan Hospital Nilai.

Untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan secara berterusan kepada penduduk Nilai dan kawasan sekitarnya, projek-projek berikut telah diluluskan dibawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10):

- i. Klinik Kesihatan Nilai
- ii. Klinik Kesihatan Sikamat
- iii. Klinik Kesihatan Senawang dan
- iv. Klinik Kesihatan Seremban 2

P 15 (M i B i R I T A H U A . N P E R I A R Y A A R B A G I J A W A B
L f i S A M
R E W A R R A R Y A T

PERTAWYAAR : LIS AN
DARSPADA : DAT UK SERfI PARGLIUA ABDOL GRAPUR BAR
RAJ I SALLER [RALABAKAN]
TARBKH : 13 ORTOBER 201®
RUJUKAM : 2983

SO ALAN:

Dafyk Seri Paoiglima Atodyl Ghapuir Biro Haji Salteli [RalafbalkaGil
minta IMIEMTERfI DALAEI MEGEfRI menyatakan

- (a) apakah Kementerian sedar bahawa jenayah kejam dan zalim sudah sampai ke tahap yang menakutkan; dan
- (b) jika sedar, bolehkah YB Menteri menyenaraikan penyebab utarna rnengapa perkara ini semakin menjadi-jadi di Negara ini dan apakah strategi Kementerian untuk membendung fenomena yang menggerunkan ini.

JAWAPAN

SOALAR WO: 15

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a), Kementerian ingin menegaskan bahawa kes melibatkan jenayah kejam dan zalim di negara ini hanya merupakan kes terpencil dan masih berada di tahap yang rendah. Jenayah bunuh contohnya, mencatatkan penurunan sebanyak 8% sekiranya diteliti daripada jumlah kes yang dilaporkan pada tahun 2008 dan 2009 yang lalu. Manakala, secara keseluruhannya pula, bilangan kes jenayah kekerasan yang dilaporkan pada tahun 2009 ialah sebanyak 40,738 kes iaitu meningkat sebanyak 2,921 kes atau 7.72% lebih tinggi berbanding tahun 2008 iaitu sebanyak 37,817 kes.

Walau bagaimanapun, bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun 2010, hanya 21,559 kes melibatkan jenayah kekerasan telah dilaporkan di seluruh negara berbanding 26,791 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2009 dan sekaligus mencatatkan penurunan yang signifikan iaitu sebanyak -5,232 kes atau -19.53%.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi mftnjavyab s-oafaj * (b), berdasarkan kepada staiietik yang diberikan, k/smenterian yakin bahawa tahap keselamatan di Negara ini addah baik dan kadar jenayah secas 6: f .oluruhsjinya adalah terkawal. Pelbagai usaha dean program pencegahan jenayah telah dilaksanakan di peringkat nasi on a l antaranya melalui penugasan Sukarelawan Simpanan Polis untuk menjalankan tugas rondaan cegah jenayah di kawasan-kawasan '*hot spot*' yang telah dikenal pasti di seluruh negara. Setakat 28 Februari 2010, seramai 8,381 orang dari kalangan anggota Ikatan Re l a wan Rakyat (RE LA) dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) telah dilantik khusus bagi menjalankan tanggung jawab tersebut.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|-------------------|---|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARI PAD A | Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK (SIK) |
| T ARIKH | 13.10.2010 |

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK [SIK] minta Menteri Pelajaran menyatakan dalam usaha untuk mencapai Pendidikan bertaraf dunia, dapatkah Menteri menyatakan bentuk geran Penyelidikan yang disediakan untuk Pegawai Pendidikan (PPPS dan PPLD) bagi menjalankan penyelidikan untuk tujuan P&P dan Pembangunan Pendidikan secara keseluruhannya.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa menggalakkan warga pendidik menjalankan penyelidikan yang dapat memberi manfaat kepada sistem pendidikan terutamanya untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran (P&P). Justeru itu, KPM telah menyediakan geran-geran penyelidikan yang disalurkan kepada Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan bahagian tertentu di Kementerian bagi membolehkan penyelidikan dilaksanakan dengan berkesan.

Sebagai contoh, pada tahun 2008/2009 KPM melalui Bahagian Pendidikan Guru, telah menyediakan sejumlah RM 25 ribu untuk pensyarah-pensyarah di 27 Institut Pendidikan Guru (IPG) seluruh negara bagi menjalankan pelbagai bentuk penyelidikan yang semata-mata bertujuan untuk menambah baik sistem

Soalan No : 16

pendidikan sedia ada, Di samping itu juga, sejumlah Rfv t o lula disediakan bagi tujuan pembudayaan periyeiidikan daiam kalangan warga pendidikan meiaiui penganjuran kursus, seminar dan sebagainya.

KPM juga telah menyalurkan sejumlah RM1 juta pada tahun 2010 untuk meaksanakan kajian *Trends in International Mathematics and Science Study* (TiiW-! c!an *Programme for international Student Assessment iT'loA*). Melalui peruntukan sedia ada di Bahagian-bahagian dalam KPM dan juga di JPN, kajian-kajian lain berkaitan pendidikan juga turut dijalankan seperti kajian kanak- kanak tanpa dokumen, kajian masalah beban guru, masalah keperluan guru di seluruh negara dan sebagainya.

Hasil daripada kajian penyelidikan ini amat berguna kepada KPM untuk menambah baik sistem pendidikan negara serta membantu memantapkan periaksanaan dasar-dasar sedia ada dan dasar baru KPM.

Rjm 06

Mo: / / .

SJ.B/(114)

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARI PAD A : DATO' HAJI ZULHASNAN BIN RAFIQUE

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 13.10.2010

Dato' Haji Zulhasnan bin Rafique [Setiawangsa] minta MENTERI KEWANGAN menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan di dalam

mengawal ekonomi negara daripada terjerumus kembali ke dalam masalah kegawatan ekonomi yang dijangka akan kembali melanda dunia di dalam masa terdekat dan apakah persediaan Malaysia di dalam hal ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Ekonomi negara telah berjaya mencatatkan pertumbuhan di luar jangkauan sebanyak 9.5% dalam tempoh separuh pertama 2010 berbanding -5.1% dalam tempoh separuh pertama 2009, dengan semua subsektor mencatatkan pertumbuhan positif. Ini adalah berikutan pelaksanaan pakej rangsangan fiskal berjumlah RM67 bilion serta dasar monetari yang akomodatif.

Janykoan bahawa dunia akan rnaiiLjalarrii k.^rrKriasai'-n aka-ra.rtis berganda (*double-dip recession*) akJbat kaadaan ekonomi Ameiika Ayankal yang tidak menenlu dan krisis hutantf di Kesatuan F.ropah, berkemungkintin beaai tidak menjat ii kenyataan. ini mamar fdantikan ekonomi Arnerikai Syarikai iarua berkembanoj f>a,aiiif nada kadai' aarArhar»a iaitu a.2% daiam tempc>h auku la-Aiu Aria. Tambahan pula, naqara mpffibanflun di Asia diterajui r»|@h perlumbuhan kukuh ekonomi negara China (10.3%) dan India (8.8%) yang mana. akan terns menyumbang kepada petumbuhan ekonomi global seterusnya memberi manfaat kepada ekonomi negara. Di samping itu, krisis huiang di kesatuan Eropah dijangka memberi kesan yang a mat minimum kepada ekonomi Malaysia memandangkan eksport negara ke Greece, Portugal, Sepanyol, Ireland dan Iceland hanya merangkumi 0. 6% daripada jumlah keseluruhan eksport.

3. Dari segi ekonomi domestik, penunjuk ekonomi terkini terus mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan. Dalam tempoh tujuh

bulan pertama 2010, eksport negara meningkat 24.0% dan import berkembang 30.0% manakala, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPI) terus mengukuh sebanyak 9.7%. Sementara itu, harga komoditi kekal stabil dengan minyak mentah berada pada paras USD77.58 se tong, gefah pada paras RM9.87 sekilogram dan minyak sawit mentah pada paras RM2,578.17 se tan, dalam tempoh sehingga bulan September 2010. Pada 15 September 2010, kedudukan rizab negara juga kekal tinggi berjumlah RM313.3 bilion atau USD95.9 bilion, yang mampu membiayai 8.4 bulan import tertangguh dan menampung 4.3 kali hutang luar negeri jangka pendek.

4. Kerajaan akan terus melaksanakan langkah-langkah yang proaktif bagi memastikan ekonomi domestik negara terus rancak sekiranya masalah kegawatan ekonomi global berlaku. Antara langkah yang telah dilaksanakan termasuk meliberalisasikan 27 subsektor perkhidmatan dan kewangan, melaksanakan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) serta memansuhkan garis panduan Jawatankuasa Pelaburan Asing dan menubuhkan Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS). Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) dan Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) yang akan dilaksanakan berjalan lancar bagi merancakkan permintaan domestik.

5. Bagi menggalakkan pihak swasta sebagai pemacu utama pertumbuhan ekonomi, Kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif untuk mewujudkan suasana mesra perniagaan. Ini termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang bertujuan mengurangkan kos perniagaan dan mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam. Kerajaan juga telah mengumumkan Program Transformasi Ekonomi (ETP) di mana 12 NKEA telah dikenal pasti yang antara lain bertujuan menarik lebih banyak pelaburan asing dan domestik. Pelaksanaan 52 Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI) di bawah RMK10 termasuk pelaksanaan beberapa projek di bawah NKEA, perkongsian awam-swasta pintar dan berkesan serta penubuhan Dana Mudahcara (*facilitation fund*) berjumlah RM20 bilion akan meningkatkan pertumbuhan pelaburan swasta.

Tuan Yang LYneYua,

Pengan ^{usaha transformasi} ekonomi yang *gm* difakcanakGn ^{termasuk} melalui afraiegi yang dicjanskan dalarn RMSviO, GTP cjan FTP ceita Bajat 2011 yang alcari diurnumkan panlu 1 *r* > okfnbor 'Yrio, kaaajaan ^{y...ikin} hahawa --konfani raa-ara akaii tam:: ^{it..-nix*af} parYiVjaahan ^{yr-ii'irj} membHrangsangkan jgada tahiih aoin 'Yin

dOi1.

NO. AUM W&

NO. AUP : 1%

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU]

13 OKTOBER 2010

TARIKH

2988

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan

(a) apakah langkah yang diambil untuk menyiasat dakwaan Tan Sri Musa Hassan berkaitan campur tangan “Pihak Ketiga” termasuk KDN dalam urusan kepolisian ; dan

(b) apakah status laporan polis yang dibuat oleh YB Elizabeth Wong (Bukit Lanjan) dan apakah langkah yang sedang dan akan diambil untuk menyelesaikan kes beliau.

JMMPAM
Tistin /c>ny YipeiYuy

Saya met iya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Kulirn Bandar Bam yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Afils Yang Berhormat dan dewa'n yang mulia ini, bagi menjawab soalan (a) setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk menyiasat dakwaan mantan Ketua Polis Negara mengenai campur tangan pihak ketiga dalam urusan polis.

Bagi menjawab soalan (b) pula, siasatan kepada kes Yang Berhormat Elizebeth Wong kini adalah diperingkat akhir. Waran tangkap telah dikeluarkan untuk menangkap suspek yang disyaki terlibat di dalam kes tersebut dan usaha-usaha sedang dijalankan oleh pihak polis untuk mengesannya.

NO. AUM *Ur*

NO. AUP :

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP BIN
BUMBURING @ WILFRED [TUARAN]
TARIKH : 13 OKTOBER 2010
RUJUKAN : 3243

SOALAN:

Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred [Tuaran] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapakah masalah pendatang tanpa izin di Sabah tidak termasuk dalam NKRA Kerajaan sedangkan masalah ini adalah yang terbesar di Sabah dan apakah langkah terkini Kerajaan untuk menyelesaikan masalah ini.

jmmpim:

Tuan Yang Di-PeitMG,

Terima kasih diucapkan kepada Yanc; Berhornat 'fuaran yang rviencjern
ukakan perta nyaan.

Enarn MKRA yang dikenalpasti nfeh Kerajaan adalah biclang keberhasifan yang

menempunyai irnpak paling iinggi berdasarkan kehendak Rakyat. Namun dernikian, ini tidak berrnaksud perkara yang tidak tersenarai di dalam NKRA tidak mendapat perhatian Kerajaan. Kerajaan sentiasa memandang berat isu pendafang tan pa izin, khususnya di Sabah.

Tuan Yang Di-Perfua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah melaksakan pelbagai langkah dan tindakan bagi menyelesaikan masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah iastu seperti berikut:

L KawaBan Perbafasan Daraf dan Peragraii Sabah

Sebagai langkah pencegahan kemasukan PATI ke Sabah, Kerajaan telah menggunakan pendekatan berlapis bagi mengawal kawasan perbatasan da rat dan perairan Sabah. Lapisan perfama iaitu di perairan antarabangsa Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tindakan kawalan pencegahan. Lapisan kedua dikawal oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) manakala lapisan ketiga dikawal oleh anggota tentera dan anggota Pasukan Gerakan Am (PGA), Polis Diraja Malaysia melalui 48 buah penempatan Kem / Pos jawatankuasa Perancang Gerakan (JPG).

Operasi Penkuatkuasaan Ke Atas PATI

Pasukan Petugas Khas Persekutuan Mengenai Pendatang- Pendatang Luar Negeri di Sabah dan Labuan (PPKPS/L) adalah bertanggungjawab menyelaraskan operasi penguatkuasaan secara bersepadu yang melibatkan semua agensi penguatkuasa bagi mengesan, menangkap dan mengusir warganegara asing yang melanggar peruntukan undang-undang negara seperti di bawah Akta Imigresen 1959/63, Akta Pasport 1966 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.

Antara operasi tersebut adalah OPS NYAH II. Semenjak tahun 1990 hingga September 2010 seramai 429,737 PATI telah ditangkap manakala 341,043 PATI telah diusir / dihantar balik ke negara asal masing-masing. Di samping itu juga operasi bersendirian juga dilaksanakan secara berterusan oleh agensi- agensi penguatkuasaan yang terlibat dalam usaha menangani PATI ini.

Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Wilayah Persekutuan, Otoriti Wilayah Sabah dan Labuan
fP/VT Bis Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3

Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Wilayah Persekutuan, Otoriti Wilayah Sabah dan Labuan
Jumlah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang ditangkap dan diusir / dihantar balik ke negara asal masing-masing
Penyediaan dan Pelaksanaan Operasi Bersepadu Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Wilayah Persekutuan, Otoriti Wilayah Sabah dan Labuan
Pusat Riset dan Penyelidikan dalam Hegeri (KDM) manakala Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah akan mengkoordinasi operasi peringkat negeri yang diurusetikan oleh Pasukan Petugas Khas Persekutuan Sabah dan Labuan (PPKPS/L).

Operasi Bersepadu dibahagikan kepada tiga fasa utama iaitu Fasa 1 melibatkan sektor Pantai Barat Sabah (07 Ogos 2008 hingga 18 Disember

2008), Fasa 2 melibatkan Pantai Timur Sabah (23 Februari 2009 hingga 31 Disember 2009) dan Fasa 3 melibatkan seluruh Negeri Sabah (17 iVSei 2010 sehingga sekarang).

Peodafftairan Pemrikftanq AsBnq Tampa BzSn fPATBli

Program pendaftaran PATI merupakan sebahagian dari program Operasi Bersepadu PATI Sabah. Program ini ialah mendaftar pekerja yang *illegal* iaitu tanpa dokumen atau tanpa permit kerja dengan tujuan untuk menjaga kepentingan industri- industri di Sabah dari menghadapi masalah pekerja terutama dalam sektor perladangan.

Pendaftaran PATI Fasa 1 telah dimulakan pada 01 Ogos 2008 sehingga 31 Oktober 2008 di sembilan pejabat seluruh Sabah bagi sektor-sektor perladangan, pertanian, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan dan pembantu rumah. Seramai 312,837 orang PATI (192,889 - pekerja dan 119,948 - tanggungan) telah mendaftar di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut seramai 217,367 orang warganegara Indonesia dan 95,470 orang warganegara Filipina.

Manakala pendaftaran PATI Fasa 2 pula telah dimulakan pada 27 Julai 2009 sehingga 31 Oktober 2009 di sembilan pejabat seluruh Sabah bagi sektor-sektor perladangan, pertanian, pembinaan, pembuatan, perkhidmatan dan pembantu rumah. Sehingga 31 Oktober 2009, seramai 161,747 orang PATI (118,624 - pekerja dan 43,123 - tanggungan) telah mendaftar di bawah program ini. Daripada jumlah tersebut seramai 112,021 orang warganegara Indonesia dan 49,726 orang warganegara Filipina.

Penubuhan Makmal Pengurusan (Management Lab) Khas Warga Asing di Sabah

Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan PATI (JKKPA-PATI) telah mengarahkan untuk menubuhkan Makmal Pengurusan Warga Asing di Semenanjung Malaysia / Sarawak. Makmal Pengurusan Warga Asing di Semenanjung

Malaysia / Sarawak telah bermula pada 23 (Vise hanya 23 April 2010 bertempat di Kementerian Dalam Negeri.

Sebelum itu, Makmal Pengurusan Khas Warga Asing di Sabah telah dilaksanakan mulai 4 Mei 2010 sehingga 27 Mei 2010. Perancangan Makmal / Qias ini adalah sebagai satu pendekatan yang holistik bagi membolehkan dan membolehkan

isu berkaitan warga asing di Sabah termasuk isu PATI berdasarkan konsep "himpunan rakyat Sabah dapat bekerjasama dengan Sabah",

Keahlian makmal ini adalah dari pelbagai Jabatan / Agensi kerajaan persekutuan dan negeri. Kira-kira 70 cadangan telah dikemukakan oleh kedua-dua makmal berkenaan. Antara cadangan yang telah dikemukakan termasuk perkara-perkara berikut:

- (a) pengenalan sistem biometrik bagi mengawal semua warga asing yang memasuki negara secara sah;
- (b) bagi negeri Sabah, pengenalan satu dokumen khusus bagi menggantikan pelbagai dokumen pengenalan yang kini wujud; serta
- (c) perubahan dasar bagi kemasukan tenaga kerja asing yang baru dengan tidak membenarkan mereka membawa tanggungan

bersama.

Kesimpulannya, penganjuran dua makmal berkenaan adalah indikator komitmen Kerajaan dalam menangani masalah ini.

SOALAN NO : 20

PARLIMEN MALAYSIA
PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

| | |
|------------|--|
| PERTANYAAN | LISAN |
| DARIPADA | TUAN MOHD. ABDUL WAHID BIN ENDUT [KUALA TERENGGANU] |
| TARIKH | 13 OKTOBER 2010 (RABU) |
| SOALAN | Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan usaha Kementerian untuk memajukan industri sarang burung walit di negara ini (<i>Swiflet farming for the production of edible bird's nest</i>) |
| JAWAPAN | Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI |

Tuan Yang Di Pertua,

Pada 1 April 2009, Jemaah Menteri telah memutuskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dilantik sebagai agensi peneraju untuk menyelaras pembangunan industri sarang burung walit (SBW) negara. Selaras dengan itu, beberapa usaha telah diambil bagi memajukan industri

SBW iaitu:

SOALAN NO : 20

- i. menyediakan Garis Panduan Industri Burung Walit (i.e. yang bersepadu merangkumi Amalan Baik Penternakan Haiwan (*Good Animal Husbandary Practices - GAMP*) untuk perladangan burung walit MS 2273:2009, Amalan Baik Pengilangan (*Good Manufacturing Practices - GMP*) untuk tata-ci-; pemprosesan sarang MS 133:2010, import/eksport, Tsyj jejak dan pendaftaran premis serta pelesenan alaiam ruaviti peladangan dan kilang pemprosesan sarang burung walit;
- ii. menjalankan pelbagai kursus berkaitan penternakan dan pemprosesan SBW kepada para pengusaha dan individu yang berminat berkecimpung dalam industri ini;
- iii. menyediakan pembiayaan kepada pengusaha-pengusaha melalui:
 - a. geran berjumlah RM5 juta untuk golongan miskin tegar;
 - b. dana pinjaman usahawan pertanian berjumlah RM67.7 juta di bawah Agrobank;
 - c. skim kredit *Micro Economy Stimulus Package* (Micro ESP-i) bagi pinjaman antara RM 10,000 dan RM30,000 melalui Agrobank; dan
 - d. lain-lain bantuan kewangan daripada institusi-institusi kewangan seperti TEKUN, SME Corp. dan sebagainya.
- iv. memberikan khidmat nasihat dan bimbingan kepada para penternak dan pengusaha SBW dan Persatuan Persekutuan Pedagang Sarang Burung; dan

- v. menjadikan industri SBW sebagai salah satu *entry point project* di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Sejajar dengan ini, usaha-usaha penyelidikan dalam teknologi perladangan dan pemprosesan SBW untuk meningkatkan kualiti dan pengeluarannya giat dijalankan oleh JPV, Universiti Putra Malaysia, Universiti Sains Malaysia bersama pihak swasta.

N&M

PESV3BERSTAHUAM
PERTANYAAN DEW AM
RAKYAT, MALAYSIA

t'E:iTAiJYA/Us
3 LISAN
IjATUK AZAUi'-SA EH111 L«ATO: -jThiViAH >Yiu (PEI-
3GEr?:A«'YA)
YARIEH 1 Ai >iX20! 0 (F-IA3SJ)
MO. SOALAi 21

DATUK AZALINA B3NTI DATO' GTHMAN SAID [PENGERANG] minta MENTERI PERDAGANGAM DALAM MEGERI, KOPERASI DAM KEPENGGUNAAM menyatakan mengenai dasar Kerajaan yang dilihat seolah- olah mengamalkan sistem monopoli sehingga membebankan pengguna kerana tidak mempunyai pilihan alternatif sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan tidak memuaskan seperti perkhidmatan penerbangan tambang murah (AirAsia), perkhidmatan siaran tv berbayar (Astro), perkhidmatan tenaga elektrik (TNB) dan sebagainya.

JAWAPAM

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian ini mengambil maklum serta mendokong usaha-usaha untuk memelihara kepentingan pengguna di Malaysia. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam usaha memelihara kepentingan pengguna selain melalui Akta Pelindungan Pengguna 1999 (Pindaan 2010), Kerajaan juga telah memperkenalkan Akta Persaingan 2010 dengan objektif antara lain bagi menggalakkan persaingan sihat di dalam pasaran. Proses persaingan ini juga

akan menggalakkan kecekapan, inovasi dan keusahawanan. Akta ini dijangka akan menggalakkan harga barangan dan perkhidmatan yang lebih kompetitif disamping meningkatkan kualiti produk. Ini bertujuan untuk memastikan terdapat pilihan yang lebih luas bagi pengguna.

Akta Persaingan 2010, walaupun bertujuan menangani amalan anti persaingan, tetapi ianya tidak akan menghapuskan atau mengharamkan monopoli. Yang diberi penekanan adalah cara entiti monopoli menjalankan perniagaannya. Sekiranya perusahaan yang memiliki kuasa pasaran yang signifikan menyalahgunakan kuasa dominannya, tindakan boleh diambil di bawah Akta ini. Pelanggaran ini boleh disiasat di bawah Akta Persaingan 2010 apabila ianya mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2012 kelak.

Disamping menangani amalan anti persaingan di bawah Akta Persaingan 2010, Suruhanjaya Persaingan juga akan menasihatkan Kerajaan supaya mengkaji semula dasar-dasar dan perundangan sedia ada serta undang-undang yang bakal diperkenalkan agar tidak bertentangan dengan dasar persaingan negara.

Ingin saya menyatakan di sini, bahawa pengguna mempunyai suara. Jadi, sekiranya pengguna tidak berpuashati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana perusahaan, tidak kira ianya sebuah monopoli atau tidak, mereka harus menyuarakan rasa ketidakpuasan hati mereka kepada pengurusan mana-mana pihak atau boleh membuat aduan melalui Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

PERTAMAYAAM : LOSAM

DARI PA DA : TPMM GWO-BUPMe LOH [KEP.AMA JAYA]

TARIKH : 13 OKTOBER 2010

SOALAM:

Tieim Gw©-Byme Loh minta PEROAiMA MENTERS rmemyatakan

MX BOM, Mi : 22

keperluan untuk meminda Seksyen 35A Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 agar calon-calon dan parti-parti politik semasa pilihan raya agar boleh mencabar di mahkamah selain petisyen.

YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang Pilihan Raya yang sedia ada seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), Peraturan-peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 dan seumpamanya, sudah mencukupi untuk menjamin sistem pilihan raya yang telus dan adil.

Umpamanya, Perkara 118 yang telah wujud semenjak Perlembagaan Persekutuan digubal, membenarkan pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan pilihan raya yang dikendalikan oleh SPR untuk mengemukakan petisyen pilihan raya kepada mana-mana Mahkamah Tinggi dalam tempoh 21 hari dari tarikh keputusan pilihan raya diwartakan. Bagaimanapun, apabila sesuatu petisyen dikemukakan dan diterima di mahkamah, menjadi hak mahkamah untuk menentukan status kes petisyen itu.

Hal yang harus diwaspadai jika ada mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat oleh Hakim Mahkamah Tinggi; mereka boleh mengemukakan rayuan di Mahkamah Persekutuan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dibuat.

Seksyen 35A, Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 (Akta 5) pula menetapkan masa tidak lewat daripada 6 bulan dari tarikh petisyen pilihan raya itu dikemukakan untuk menyelesaikan perbicaraan. Satu tempoh masa yang cukup adil untuk semua pihak.

Ini jelas membuktikan betapa proses demokrasi berlaku dengan subur dan sihat dalam sistem pilihan raya di negara kita, yang mana, pemetisyen diberi ruang dan peluang untuk menyuarakan dan menggunakan hak mereka yang dibenarkan oleh Undang-undang sekiranya berlaku pertikaian mengenai perjalanan pilihan raya.

Justeru, tiada sebab mengapa Kerajaan perlu meminda undang-undang yang sedia ada, sekiranya Undang-undang tersebut dapat menjamin keadilan dalam sistem pilihan raya Negara kita. Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 23

PERTANYAAN LISAN

DARIPADA T 13 OKTOBER 2010 (RABU)

ARIKH Y.B. Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]

SOALAN : Datuk Dr Tekhee @ Tiki anak Lafe [Mas Gading]
minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan apakah sebab dan punca
gejala "polarisasi berbau perkauman dan agama" menjadi semakin membimbangkan dan
huraikan langkah dan tindakan yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi
mencegah masalah ini daripada menjadi ancaman kepada keselamatan serta perpaduan
dan kedaulatan negara.

JAWAPAN oleh : YB Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon

Walaupun negara kita adalah lebih aman dan damai berbanding dengan
kebanyakan negara majmuk yang lain, tetapi perbezaan dari segi kepelbagaian agama,
budaya dan bahasa kadang-kala mencetuskan perselisihan serta sentimen perkauman atau
agama yang mungkin menggugat ketenteraman dan kestabilan masyarakat, sekiranya tidak
diuruskan dan ditangani dengan sewajarnya.

Oleh itu, sejak kemerdekaan dan sepanjang proses pembinaan negara selama 53
tahun, pucuk pimpinan negara pada amnya memang sangat sedar dan peka akan cabaran-
cabaran untuk terus memupuk persefahaman, mengekalkan keharmonian, menguruskan
pelbagai jurang antara kaum serta meredakan sebarang sengketa yang timbul.
Penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar dalam semua bidang sentiasa berpandukan
kepada Pelembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas kenegaraan yang
mengambil kira dan merangkumi hak-hak asas semua rakyat secara seimbang.

Sememangnya, pelaksanaan dasar-dasar dan program-program pembangunan
negara pada amnya telah mencapai kejayaan untuk membawa hasil-hasil kemajuan
ekonomi dan pembangunan sosial yang dapat dinikmati oleh hampir semua rakyat, serta
mengekalkan keharmonian, kestabilan dan keamanan. Walaubagaimanapun, masih
terdapat cabaran-cabaran dan aspek-aspek kekurangan yang perlu ditangani dan diatasi
dalam beberapa bidang.

Dalam bidang ekonomi, pelaksanaan dasar pembangunan, khasnya sejak 1970,
telah berjaya meningkatkan taraf hidup rakyat pada amnya, mengurangkan kadar
kemiskinan tegar ke satu paras yang agak rendah dan menstrukturkan semula masyarakat.
Akan tetapi, golongan berpendapatan rendah 40% ke bawah masih perlu dibela dan dibantu
supaya jurang pendapatan antara rakyat tidak membesar bahkan dapat dikurangkan.
Penyertaan Bumiputera telah meningkat khasnya dalam pelbagai bidang profesyen, tetapi
pembangunan keusahawanan masih memerlukan perhatian yang lebih berfokus dan
pendekatan yang lebih berkesan. Di samping itu, masih terdapat perasaan dipinggirkan
(*deprivation*) antara kaum dan golongan sosial yang masih perlu ditangani

Sememangnya peluang pendidikan telah banyak bertambah dan meningkat khususnya bagi pengajian tinggi. Akan tetapi persaingan masih hebat khususnya bagi biasiswa, yang kadang kala menjadi isu politik. Sistem persekolahan yang berbilang aliran bahasa pengantar khususnya di peringkat rendah membolehkan rakyat kita mempunyai kemahiran dalam pelbagai bahasa, kepelbagaian bahasa dan budaya ini menjadi kelebihan dalam usaha kita untuk menerokai pasaran-pasaran besar di negara-negara Asia dan Barat serta China dan India. Akan tetapi, adalah perlu untuk terus menggalakkan interaksi dan memupuk perpaduan antara remaja dan belia di peringkat sekolah menengah. Am institusi pengajian tinggi, termasuk melalui program-program seperti Rancangan Integrasi Murid-murid (RIMP) dan Program Pembangunan Belia dan Sukan, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan sebagainya. Adalah diharapkan program-program ini sedang dan hendaklah terus dipertingkatkan.

